

# Utusan Sarawak

TARIKH	28 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Tempatari

## 73 jemaah haji kawasan tengah negeri selamat berlepas

SIBU, Khamis -- Kumpulan seramai 73 jemaah haji dari kawasan tengah negeri ini berlepas dari Lapangan Terbang Sibu ke Kuching dan seterusnya ke Jeddah, Arab Saudi, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri Jemoreng merangkap Setiausaha Politik Ketua Menteri, Abu Seman Jahwie berada di Lapangan Terbang Sibu untuk mengucapkan selamat berangkat kepada jemaah haji.

Pengurus Tabung Haji Cawangan Sibu, Haji Mohamad Salim, Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak Sibu, Ustaz Ramzen Ambi dan isteri Abu Seman, Hajjah Dayang

Normaliza Awang Tambi turut berada di lapangan terbang Sibu untuk mengucapkan selamat berangkat kepada jemaah haji.


Bercakap kepada pemberita kemudian, Abu Seman menasihati mereka yang masih tergolong dalam senarai menunggu untuk menunaikan haji supaya bersabar dan berharap pihak berkuasa berkaitan dapat menambakan kuota jemaah haji dari Sarawak.

Abu Seman berkata, beliau akan mengemukakan perkara itu pada persidangan Dewan Undangan Negeri akan datang supaya lebih ramai umat Islam

dari Sarawak dan kawasan tengah negeri ini dapat menunaikan haji.

Mereka yang berjaya menunaikan haji tahun ini boleh dianggap bernasib baik kerana terpilih daripada kalangan seramai 28 juta rakyat di Malaysia dan berharap mengambil kesempatan itu dengan sebaik-baiknya untuk memperoleh haji makbrur, katanya.

Kumpulan jemaah haji yang berangkat semalam akan pulang ke tanah air pada 14 November, 2012. Pemergian jemaah haji itu diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji Sarawak dan mereka adalah dari kawasan Sarikei, Mukah, Kapit dan Sibu.



SELAMAT BERANGKAT... Ahli Dewan Undangan Negeri Jemoreng, Abu Seman Jahwie bersama kakitangan Tabung Haji Sibu dan JAIS semasa berada di lapangan terbang Sibu untuk menghantar jemaah haji dari kawasan tengah negeri ini semalam.